



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/12/2019	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Hakisan hampir rumah

**Penduduk
Kampung Felda
LBJ bimbang
tanah runtuh**

SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Hakisan tanah yang berlaku di Kampung Felda LBJ Jalan Kekwa di sini membimbangkan apabila tebing tanah berdekatan rumah penduduk mula runtuh.

Seorang penduduk, Abd Rahim Omar, 54, berkata, jarak antara rumahnya dengan tebing runtuh itu hanya satu meter sahaja.

Menurutnya, ruang bawah dapur rumahnya telah 'kosong' dan boleh runtuh pada bila-bila masa.



Abd Rahim menunjukkan kawasan tebing di belakang rumahnya yang runtuh di Kampung Felda LBJ semalam.

"Memandangkan sekarang musim hujan, laluan air bawah tanah makin laju dan turut membawa tanah di saluran bawah sehingga terhakis.

"Masalah hakisan tanah

dan tebing runtuh ini berlaku sejak 10 tahun lalu namun sehingga kini tiada jalan penyelesaian. Dua wakil rakyat sudah dimaklumkan mengenai perkara ini tetapi kita masih me-

nanti jawapan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Abd Rahim berkata, selain rumahnya, tanah milik beberapa penduduk kampung di Felda LBJ juga sudah runtuh.

"Saya sangat berharap sebelum berlakunya perkara yang tidak diingini masalah ini dapat diselesaikan.

"Sekurang-kurangnya baiki hakisan tebing tanah dulu kerana jarak dengan rumah sangat dekat," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Labu, Ismail Ahmad berkata, pihaknya sedia maklum mengenai masalah itu dan sedang menantikan peruntukan pada belanjawan akan datang.

"Kos untuk membaiki kawasan terjejas ini agak tinggi. Kita tunggu belanjawan 2020. Kita akan dahulukan kerja-kerja membaiki kawasan ini sebaik sahaja terima peruntukan," katanya.